TATACARA WUDUK DAN SOLAT MENURUT AL-QURAN DAN AS-SUNNAH

Oleh: Mohd Safwan bin Rusydi

TATACARA WUDUK

Firman Allah S.W.T:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا قُمۡتُمۡ إِلَى ٱلصَّلَوٰةِ فَٱغۡسِلُواْ وُجُوهَكُمۡ وَأَيۡدِيَكُمۡ إِلَى ٱلۡمَرَافِقِ وَٱمۡسَحُواْ بِرُءُوسِكُمۡ وَأَرۡجُلَكُمۡ إِلَى ٱلۡكَعۡبَيۡنِۚ

Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mengerjakan shalat, Maka basuhlah mukamu dan tanganmu sampai dengan siku, dan sapulah kepalamu dan (basuh) kakimu sampai dengan kedua mata kaki… [Surah Al-Maidah: 6]

Sabda Rasulullah s.a.w:

"Tidak diterima Allah sembahyang salah seorang kamu jika ia berhadas (kecil) sebelum ia berwuduk." [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

1. Niat

   Maksudnya: Sesungguhnya amalan (diterima) dengan niat, dan tiap-tiap seseorang akan mendapat (ganjaran amalannya) sesuai dengan apa yang diniatkannya. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

2. Membaca Basmalah (bismillah)

   Maksudnya: Tiada wuduk bagi orang yang tidak membaca Bismillah ke atasnya. [Hadis riwayat Ibn Majah, Tirmizi, dan Abu Daud]

3. Membasuh kedua telapak tangan

   Maksudnya: Daripada Ibn Abi Aus daripada datuknya Aus, katanya: "Aku melihat Rasulullah s.a.w. berwuduk lalu baginda membasuh telapak tangannya sebanyak tiga kali." [Hadis riwayat Ahmad dan Nasai]

4. Berkumur-kumur serta memasukkan air ke dalam hidung

Maksudnya: Maka baginda berkumur-kumur dan menyedut air ke dalam hidung dengan satu ceduk air dan perbuatan tersebut dilakukan sebanyak tiga kali. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

Maksudnya: Maka baginda berkumur-kumur dan menyedut air ke dalam hidung dan mengeluarkan semula air tersebut dari hidung sebanyak tiga kali. [Hadis riwayat Bukhari]

5. Membasuh muka sambil menyela janggut (bagi yang ada janggut)

فَٱغۡسِلُواْ وُجُوهَكُمۡ

Maksudnya: Maka basuhlah muka kamu…. [Surah al-Maidah: 6]

Dari Humman bin Abaan bahawa Nabi s.a.w. membasuh muka ketika berwuduk adalah sebanyak tiga kali. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

Menurut Anas r.a. katanya: Rasulullah s.a.w. jika berwuduk, baginda mengambil seceduk air dengan tangannya sambil menyela-nyela janggutnya dengan tangannya, lalu bersabda: "Demikianlah aku diperintah oleh Tuhanku 'Azza wa Jalla. [Hadis riwayat Abu Daud]

6. Membasuh tangan hingga ke siku

وَأَيۡدِيَكُمۡ إِلَى ٱلۡمَرَافِقِ

Maksudnya: Dan basuhlah tangan kamu sampai ke siku… [Surah al-Maidah: 6]

Hamran r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. membasuh tangan kanannya hingga ke siku sebanyak tiga kali, demikian juga tangan kirinya seperti itu. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

7. Menyapu kepala

وَٱمۡسَحُواْ بِرُءُوسِكُمۡ

Maksudnya: Dan sapulah kepala kamu… [Surah al-Maidah: 6]

Maksudnya: Maka baginda menyapu kepalanya dengan dua tangannya, baginda mulakan daripada bahagian hadapan kepalanya kemudian disapu hingga ke belakang kepalanya, kemudian baginda ulangi (berpatah balik tangannya) ke tempat baginda memulainya. [Hadis riwayat Bukhari, Muslim dan Tirmizi]

Daripada 'Amr bin Umayyah r.a. katanya: Aku melihat Rasulullah s.a.w. menyapu di atas serbannya dan kedua-dua khufnya (kasutnya). [Hadis riwayat Bukhari]

Dibolehkan bagi lelaki yang memakai serban untuk menyapu kepalanya tanpa menanggalkan serbannya begitu juga bagi wanita dibolehkan menyapu di atas tudungnya tanpa menanggalkannya. Ini sebagaimana perbuatan Ummu Salamah pernah menyapu di atas khimarnya sebagaimana diterangkan oleh Ibn Munzir.

[Rujuk al-Mughni, 2/312]

8. Menyapu telinga

Menyapu telinga hendaklah dilakukan setelah menyapu kepala iaitu tanpa mengambil air yang baru hendaklah dia menyapu telinganya sebanyak sekali. Ini kerana Rasulullah bersabda:

"Dua telinga adalah sebahagian daripada kepala." [Hadis riwayat Tirmizi, Ibn Majah, Abu Daud, Dan Nasai]

Akan tetapi dibolehkan juga untuk mengambil air yang baru untuk membasuh telinga berdasarkan hadis 'Abdullah bin Zaid:

"Sesungguhnya dia melihat Rasullah s.a.w. berwuduk, lalu baginda mengambil air lain untuk menyapu telinganya, berbeza daripada air yang digunakan untuk kepalanya." [Hadis riwayat al-Hakim dan Baihaqi]

9. Membasuh kaki hingga ke buku lali

Maksudnya: "Dan (basuhlah) kaki kamu sampai kedua buku lali… [Surah al-Maidah: 6]

Rasulullah s.a.w. membasuh kedua kakinya termasuk buku lalinya. Tidak sah wuduk bagi yang tidak mengenakan air pada buku lalinya. Ini sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: Celakalah untuk tumit-tumit dengan azab neraka (yang tidak sampai air padanya). [Hadis riwayat Bukhari]

10. Tertib

Hendaklah setiap daripada cara-cara berwuduk itu tadi dilakukan secara berurutan iaitu daripda muka seterusnya tangan hinggalah kaki, begitu juga dimulakan daripada kanan ke kiri.

11. Membaca doa selepas wuduk

Daripada 'Umar bin al-Khattab r.a. katanya Rasulullah s.a.w. bersabda: Barangsiapa yang berwuduk lalu ia sempurnakan wuduknya, kemudian membaca doa:

Maksudnya: Aku bersaksi tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah, Yang Maha Esa, tiada sekutu bagi-Nya, dan aku bersaksi sesungguhnya Muhammad adalah hamba-Nya dan Pesuruh-Nya.

Nescaya dibuka untuknya lapan pintu syurga dan diizinkan memasukinya dari pintu mana yang ia kehendaki.[Hadis riwayat Muslim, Abu Daud, dan Ibn Majah]

Boleh juga ditambah atau hanya dibaca dengan bacaan berikut:

Maksudnya: Ya Allah, jadikanlah aku ke dalam golongan orang-orang bertaubat, dan jadikanlah aku ke dalam golongan orang-orang yang mensucikan diri. [Hadis riwayat Tirmizi]

Daripada Said al-Khudri bahawa Rasulullah s.a.w. berdoa setelah wuduk:

Maksudnya: Maha Suci Engkau Ya Allah dan segala Pujian untuk-Mu, Aku bersaksi tidak ada Tuhan Yang berhak disembah melainkan Engkau, Aku memohon ampunan kepada-Mu dan aku bertaubat kepada-Mu. [Hadis riwayat at-Tabrani]

Menurut Imam An-Nawawi r.h. sebaik-baiknya ketiga-tiga doa di atas digabungkan menjadi satu doa. Walaubagaimana pun menurut pendapat yang lebih tepat adalah doa tersebut dibaca secara berasingan. Adalah Nabi s.a.w. membaca setiap dari bacaan doa tersebut secara berasingan sebagaimana riwayat di atas. Ini memudahkan untuk kita memilih yang manakah bacaan yang lebih mudah untuk dihafal untuk diamalkan. Setelah menghafal salah satu doa di atas, bolehlah menambah lagi hafalan sehingga kesemua doa yang dapat diamalkan.

Mengamalkan kesemua sunnah Nabi s.a.w. adalah lebih baik daripada mengamalkan satu sunnah sahaja. Akan tetapi tetapi jangan sampai menyusahkan diri sendiri. Kerana islam itu mudah dan tidaklah memberatkan. Ini kerana 'Aisyah r.ha. pernah menjelaskan:

Maksudnya: Tidaklah Rasulullah s.a.w. jika diberi dua pilihan melainkan baginda memilih yang paling mudah di antara keduanya selagi mana tidak mengandungi dosa. [Hadis riwayat Bukhari]

Tayammum

Jika tidak peroleh air kerana ketiadaan air, ataupun mendapat suatu penyakit yang tidak boleh terkena air, maka diharuskan untuk bertayammum bagi menyempurnakan ibadat solat.

Firman Allah S.W.T:

وَإِن كُنتُم مَّرۡضَىٰٓ أَوۡ عَلَىٰ سَفَرٍ أَوۡ جَآءَ أَحَدٞ مِّنكُم مِّنَ ٱلۡغَآئِطِ أَوۡ لَٰمَسۡتُمُ
ٱلنِّسَآءَ فَلَمۡ تَجِدُواْ مَآءٗ فَتَيَمَّمُواْ صَعِيدٗا طَيِّبٗا فَٱمۡسَحُواْ بِوُجُوهِكُمۡ وَأَيۡدِيكُم مِّنۡهُۚ
مَا يُرِيدُ ٱللَّهُ لِيَجۡعَلَ عَلَيۡكُم مِّنۡ حَرَجٖ وَلَٰكِن يُرِيدُ لِيُطَهِّرَكُمۡ وَلِيُتِمَّ نِعۡمَتَهُۥ عَلَيۡكُمۡ
لَعَلَّكُمۡ تَشۡكُرُونَ ٦

Maksudnya: Dan jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau kembali dari tempat buang air) atau menyentuh perempuan, lalu kamu tidak memperoleh air, Maka bertayammumlah dengan tanah yang baik (bersih); sapulah mukamu dan

tanganmu dengan tanah itu. Allah tidak hendak menyusahkan kamu, tetapi dia hendak membersihkan kamu dan menyempurnakan nikmat-Nya bagimu, supaya kamu bersyukur. [Surah al-Maidah: 6]

Cara-cara bertayammum:

1. Dimulakan dengan niat di dalam hati.
2. Membaca basmalah.
3. Menepuk kedua belah tapak tangan pada tanah yang suci.
4. Menghembus kedua telapak tangan atau menepuknya.
5. Menyapu ke muka dan tangan hingga kepergelangan tangan.

Sabda Rasulullah s.a.w. tentang tatacara berwuduk sebagaimana hadis di bawah:

Maksudnya: Sesungguhnya memadailah engkau berbuat begini, Maka baginda menepuk kedua belah tapak tangannya ke bumi dan menghembus keduanya, kemudian baginda menyapu kedua pada muka dan kedua tangannya. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

Tayammum juga boleh digantikan untuk mandi junub sekiranya ketiadaan air ataupun air hanya tinggal sedikit untuk makan dan minum atau sebagainya. Sesungguhnya tanah itu adalah alat bersuci jika tidak ada air. Oleh sebab itu tidak ada alasan untuk meninggalkan solat sekiranya tiada air atau sebagainya.

Sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: Sesungguhnya tanah itu adalah alat bersuci untuk umat islam, walaupun ia tidak mendapati air selama sepuluh tahun. [Hadis riwayat Ahmad dan Tirmizi]

Perkara-perkara yang membatalkan wuduk dan tayammum

1. Keluar sesuatu daripada kubul dan dubur seperti kentut dan air kencing. Kecuali air mani mewajibkan untuk mandi wajib.
2. Menyentuh kemaluan.
3. Tidur nyenyak serta tidak tetap punggung.
4. Makan daging unta membatalkan wuduk –Rujuk Hadis riwayat Muslim (360).
5. Hilang akal/ gila.
6. Bagi tayammum, terbatal sekiranya dijumpai air.

TATACARA SOLAT

Firman Allah s.w.t:

وَأَقِمِ ٱلصَّلَوٰةَ ۖ إِنَّ ٱلصَّلَوٰةَ تَنْهَىٰ عَنِ ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ ۗ

Maksudnya: …Dan Dirikanlah shalat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan- perbuatan) keji dan mungkar…

[Surah al-Ankabut: 45]

Sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: "Solatlah kamu sebagaimana kamu melihat aku solat."

[Hadis riwayat Bukhari]

13 Rukun-rukun bagi solat menurut mazhab Syafi'i

1. Niat
2. Takbiratulihram
3. Berdiri tegak (bagi yang tidak mampu hendaklah duduk atau baring atau hanya dengan isyarat).
4. Membaca al-Fatihah
5. Rukuk
6. Iktidal
7. Sujud
8. Duduk antara dua sujud
9. Duduk tahiyat akhir
10. Membaca tahiyat akhir
11. Membaca selawat setelah membaca tahiyat
12. Memberi salam pertama
13. Tertib

Cara-cara solat menurut cara Rasulullah s.a.w. bersolat

1. Menghadap kiblat

   Sebelum berniat untuk memulakan solat hendaklah dipastikan terlebih dahulu kiblatnya adalah betul iaitu menghadap ke arah kaabah. Sabda Rasulullah s.a.w:

   Maksudnya: Apabila engkau berdiri untuk solat, maka sepurnakanlah wuduk, kemudian menghadaplah ke arah kiblat, lalu bertakbirlah.[Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

2. Meletakkan penghadang di hadapan.

Penghadang (sutrah) hendaklah diletakkan dibahagian hadapannya sebagai penanda jarak untuk ia sujud agar tiada orang melintasi dihadapannya. Ini kerana Rasulullah sering solat dengan meletakkan penghadang dihadapannya. Sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: Janganlah kamu solat tanpa memasang penghadang dan janganlah engkau membiarkan seseorang melintas di hadapan kamu (tanpa dihalangi), jika dia bertegas untuk melintas di depan engkau, maka lawanlah dia kerana syaitan bersamanya. [Hadis riwayat Ibn Khuzaimah]

3. Niat dengan ikhlas kerana Allah.

Jika sudah pasti ada penghadang serta menghadap kiblat maka mulakanlah dengan niat di dalam hati dengan ikhlas kerana Allah S.W.T. Kerana Nabi bersabda:

Maksudnya: Sesungguhnya amalan (diterima) dengan niat, dan tiap-tiap seseorang akan mendapat (ganjaran amalannya) sesuai dengan apa yang diniatkannya. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

Terdapat ulama-ulama yang menggalakkan agar niat dilafazkan sebagaimana yang dilakukan dikebanyakan masyarakat di malaysia seperti berikut:

Maksudnya: Sahaja aku solat fardhu subuh dua rakaat kerana Allah Ta'ala

Akan tetapi ulama-ulama telah bersepakat niat adalah amalan hati. Tidak cukup hanya melafazkan niat sekiranya tidak ditekadkan di dalam hatinya.

Imam Nawawi berkata "Niat yang diambil kira adalah dengan hati, serta tidak cukup dilafazkan di lidah sahaja tanpa hadir hati dan bagi kami adalah satu pandangan yang ganjil jika ada yang mensyaratkan dilafazkan dengan lidah, pandangan ini adalah salah." [Rujuk Raudah at-Talibin]

Memadai sekiranya diniatkan di dalam hati seperti bacaan niat di atas atau hanya sekadar lintasan hatinya untuk menunaikan solat sebelum mengangkat takbir tanpa mengikut susunan ayat seperti di atas. Wallahua'lam.

4. Takbiratulihram

Sabda Nabi s.a.w:

Maksudnya: Pembuka solat ialah bersuci (berwuduk), dan pengharamannya (daripada perkara-perkara yang luar solat) adalah takbir dan penghalalannya (pengakhirannya) adalah dengan salam. [Hadis riwayat Abu Daud, Tirmizi, dan Hakim]

Maksudnya: Nabi s.a.w mengangkat kedua-dua tangannya separas bahunya apabila hendak memulakan solat. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

Maksudnya: Nabi s.a.w mengangkat kedua-dua tangannya ketika ingin memulakan solat dan berkata Hammam ia mengangkat tangan setentang dengan telinganya. [Hadis riwayat Muslim]

Maksudnya: Nabi s.a.w. meletakkan tangan kanan di atas tangan kirinya kemudian baginda merapatkan kedua tangannya di atas dadanya di dalam solat. [Hadis riwayat Abu Daud]

:

Maksudnya: Daripada Wail bin Hujur berkata: Aku melakukan solat bersama Nabi s.a.w. dan diletaknya tangan kanannya di atas tangan kirinya di atas dada. [Hadis riwayat Ibn Khuzaimah]

Maksudnya: Nabi s.a.w. meletakkan lengan kanan pada punggung telapak kirinya, pergelangannya, dan lengan kirinya. [Hadis riwayat Abu Daud dan an-Nasai]

5. Berdiri tegak

Hendaklah solat didirikan secara berdri berdasarkan Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 238:

Maksudnya: Berdirilah untuk Allah (dalam shalatmu) dengan khusyu'. [Surah al-Baqarah: 238]

Bagi yang sakit dibolehkan untuk ia solat secara duduk. Jika ia tidak mampu juga, dengan cara berbaring, jika tidak mampu juga, dengan cara isyarat. Solat adalah wajib tak kira orang yang sihat maupun yang sakit. Pernah seorang sahabat Nabi bernama Imran bin Husain mengidap penyakit buasir lalu bertanya kepada Nabi s.a.w. tentangnya lalu Nabi s.a.w. bersabda:

Maksudnya: Solatlah secara berdiri, jika tidak mampu maka duduklah, jika tidak mampu maka hendaklah dengan cara berbaring. [Hadis riwayat Bukhari, Abu Daud dan Ahmad]

Digalakkan untuk solat dengan memakai sandal/ kasut atau stokin semasa solat. Ini kerana Nabi s.a.w. bersabda:

Maksudnya: Hendaklah kamu berbeza dengan kaum yahudi, kerana sesungguhnya mereka tidak akan solat dengan memakai sandal dan terompah. [Hadis riwayat Abu Daud dan Ibn Majah]

6. Membaca Doa iftitah

Hendaklah terlebih dahulu memulakan bacaan dengan doa iftitah. Adapun bacaan doa-doa iftitah ada banyak. Antaranya adalah seperti berikut.

Maksudnya: Ya Allah jauhkan antara aku dan kesalahan-kesalahanku sabagaimana Engkau menjauhkan antara timur dan barat. Ya Allah, bersihkan aku dari kesalahan-kesalahanku sebagaimana kain yang putih dibersihkan dari kotoran. Ya Allah, cucilah aku dari kesalahan-kesalahanku dengan salji, air dan embun. [Hadis riwayat Bukhari]

Atau membaca:

Maksudnya: Maha suci Engkau, Ya Allah, aku memuji-Mu, Maha Berkat nama-Mu dan Maha Tinggi kekayaan dan kebesaran-Mu, tidak ada Tuhan yang berhak disembah selain-Mu. [Hadis riwayat Abu Daud dan hakim]

Atau membaca:

Maksudnya: Allah Maha Agung lagi Maha Besar, segala puji yang begitu banyak hanya milik Allah, Maha suci Allah pada waktu pagi dan waktu petang. [Hadis riwayat Muslim]

7. Membaca ta'awwuz

Ta'awwuz ialah meminta perlindungan dari gangguan syaitan. Firman Allah S.W.T:

فَإِذَا قَرَأْتَ ٱلْقُرْءَانَ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ ﴿٩٨﴾

Maksudnya: Apabila kamu membaca Al Quran hendaklah kamu meminta perlindungan kepada Allah dari syaitan yang direjam. [Surah al-Nahl: 98]

Bacaan Ta'awwuz seperti berikut:

Maksudnya: Aku berlindung kepada Allah dari syaitan yang terkutuk, dari kegilaannya, dari kesombongannya, dan dari syairnya yang tercela. [Hadis riwayat Abu Daud, Ibn Majah, Daruqutni, dan Hakim]

8. Membaca al-fatihah.

Hendaklah membaca al-Fatihah dengan tertib dan berhenti-henti pada setiap satu ayat.kerana begitulah cara membaca surah al-Fatihah menurut as-Sunnah sebagaimana diriwayatkan cara pembacaan Nabi s.a.w oleh Abu Daud dalam sunannya. [Rujuk Sifat Solat Nabi, Al-Albani]

Membaca surah al-fatihah adalah wajib dan termasuk dalam rukun solat. Tidak solat bagi yang tidak membaca surah ini. Sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: Tidak sah solat seseorang bagi yang tidak membaca surah al-Fatihah. [Hadis riwayat Bukhari, Muslim dan Baihaqi]

Walaubagaimana pun sebahagian ulama berpendapat pada solat Jahar (maghrib, isyak dan subuh) adalah memadai dengan mendengar bacaan imam pada rakaat pertama dan kedua. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w:

Maksudnya: Sesungguhnya dijadikan imam untuk diikuti oleh makmum, jika ia bertakbir, maka bertakbirlah kamu dan jika dia membaca (al-Quran) maka hendaklah kamu diam. [Hadis riwayat Muslim, An-Nasai, Ibn Majah dan Abu Daud]

Setelah membaca al-Fatihah hendaklah membaca surah-surah yang dihafali. Bagi makmum cukup sekadar membaca al-Fatihah sahaja tanpa membaca surah yang lain kecuali ia bersolat sendirian.

9. Rukuk

Setelah membaca al-Quran hendaklah berhenti sebentar sebelum turun untuk rukuk. (H.R Abu Daud dan Hakim). Hendaklah mengangkat kedua-dua tangan sebelum rukuk sambil menyebut "Allahu Akbar" kemudian rukuk. (H.R. Bukhari Muslim)

Maksudnya: Nabi s.a.w. meletakkan kedua telapak tangannya pada kedua-dua lututnya. [Hadis riwayat Bukhari dan Abu Daud]

Maksudnya: Baginda s.a.w. merenggangkan jeri-jemarinya (di atas lutut). [Hadis riwayat Adu Daud dan Hakim]

Maksudnya: Bila baginda s.a.w. rukuk, baginda meluruskan dan meratakan punggungnya sehingga bila air diletakkan di belakangnya, air tersebut tidak akan bergerak. [Hadis riwayat Thabrani dan Ibn Majah]

Ketika rukuk hendaklah dilakukan berserta toma'ninah iaitu dilakukan dengan tenang tanpa tergesa-gesa sambil membaca doa. Antara doa-doa rukuk ialah:

( )

Atau:

( )

Atau:

( )

Atau:

( )

10. Iktidal

Berdiri sambil mengangkat tangan kemudian hendaklah membaca:

( )

Kemudian membaca doa berikut:

( )

Atau:

( )

Atau:

( )

Hendaklah disertai dengan toma'ninah iaitu berhenti sejenak sekadar bacaan di atas atau dengan menambah doa seperti berikut:

( )

11. Sujud

Hendaklah mengucap takbir kemudian sujud dengan mendahulukan tangan dahulu.

Maksudnya: Nabi s.a.w. meletakkan kedua-dua tangannya ke bumi sebelum dua lututnya.[Hadis riwayat Ibn Khuzaimah dan Daruquthni]

Sabda Nabi s.a.w: "Apabila seseorang kamu sujud, maka janganlah kamu turun sebagaimana turunnya unta, hendaklah kamu meletakkan kedua-dua tanganmu sebelum lututmu." [Hadis riwayat Adu Daud]

Boleh juga turun dengan lutut terlebih dahulu berdasarkan hadis Wail bin Hujr katanya: "Aku melihat Rasulullah s.a.w. apabila sujud, baginda meletakkan kedua-dua tangannya sebelum lutut." [Hadis riwayat Abu Daud dan An-Nasai]

Maksudnya: "Aku di arahkan untuk sujud di atas tujuh anggota sujud: Di atas dahi – dan Nabi s.a.w. menunjukkan kea rah dahinya dan kedua-dua belah tangan, dan kedua-dua lutut dan kedua-dua hujung kaki." [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

Ketika sujud keadaan tangan adalah sejajar dengan bahu atau telinga dan lengan mestilah renggang dari rusuk kecuali solat secara berjemaah kerana takut mengganggu orang sebelah.

Bacaan sujud adalah seperti berikut:

( )

Atau:

( )

Atau:

( )

Atau:

( )

12. Duduk antara dua sujud

Maksudnya: Nabi s.a.w. duduk (iftirasy) di atas kaki kirinya dan menegakkan kaki kanannya. [Hadis riwayat Bukhari dan Muslim]

)

(

Maksudnya: Kadang-kadang Nabi s.a.w. duduk iq'aa ( ) (iaitu duduk dengan menegakkan telapak dan kedua-dua tumit kakinya. [Hadis riwayat Muslim dan Abu 'Awanah dan Baihaqi]

Bacaan duduk antara dua sujud adalah seperti berikut:

( )

Atau:

( )

13. Cara bangun untuk ke rakaat seterusnya.

Sebelum bangun ke rakaat ke seterusnya hendaklah duduk sebentar kemudian meletakkan kedua-dua tangan di atas tanah atau dengan cara menggenggam tanah atau menekan lutut.

Daripada Malik bin al-Huwairits sesungguhnya dia pernah melihat Nabi s.a.w. solat, maka ketika baginda berada pada rakaat ganjil daripada solatnya, baginda tidak terus bangun sehingga baginda duduk sebentar . [Hadis riwayat Bukhari]

Maksudnya: Sesungguhnya baginda (Nabi s.a.w) ketika mengangkat kepalanya daripada sujud yang kedua lalu baginda duduk sejenak (istirehat) kemudian baginda bertelekan (bertumpu) di atas bumi. [Hadis riwayat Nasai]

14. Tahiyyat (tasyahhud)

Cara duduk tahiyyat awal ialah sama dengan cara duduk antara dua sujud iaitu duduk di atas kaki kiri dan menegakkan kaki kanan. Cara ini juga boleh dilakukan pada tahiyyat akhir.

Manakala duduk tahiyyat akhir adalah dengan cara buntut kiri mengena tanah kemudian kaki kiri dan kaki kanan berada pada sisi kanan kemudian meletakkan kaki kiri di bawah betis dan paha kaki kanan. Manakala kaki kanannya ditegakkan dengan cara jari-jemari kaki dihadapkan ke arah kiblat dan boleh juga dengan menghamparkannya.

Bacaan tahiyyat awal dan akhir:

( )

Atau

( )

Setelah itu hendaklah membaca selawat nabi s.a.w:

( )

Membaca doa sebelum salam:

( )

Setelah membaca doa di atas ini dibolehkan berdoa apa saja yang disukai atau membaca doa seperti mana yang di ajar Nabi s.a.w. antaranya seperti berikut:

( )

15. Salam

Hendaklah berpaling ke kanan sambil menyebut:

Begitu juga disebelah kiri. Salam Kanan adalah rukun manakala salam sebelah kiri hanya sunat sahaja. Boleh juga salam disebelah kanan ditambah dengan "Wabarakatuh" ( ) manakala sebelah kiri tanpa "wabarakatuh".

Adapun menyapu muka setelah solat adalah berdasarkan hadis yang sangat dha'if (lemah). Mengamalkan hadis yang lemah adalah tidak digalakkan. Sebaik-baiknya hendaklah mengamalkan perbuatan yang jelas diyakini ianya daripada sunnah yang sahih.

Setelah salam maka selesailah solat. Disunnatkan agar membaca wirid-wirid setelah salam tanpa terus meninggalkan tempat solat.